



PROF. DATO' IR. DR. MOHD HAMDI ABD SHUKOR
Naib Canselor

Rujukan: UKM.JCN.100-1/3/1
Tarikh: 2 Oktober 2020

PEKELILING NAIB CANSELOR BIL. 8/2020

**SEMUA PELAJAR
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Tuan/Puan,

COVID-19: PENANGGUHAN PENDAFTARAN KEMASUKAN SEMUA PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (BAHARU DAN SEMASA) BAGI SEMESTER I, SESI 2020/2021

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk Kenyataan Media daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengenai Penangguhan Pendaftaran Secara Fizikal/Bersemuka Pelajar IPT Kemasukan Oktober 2020 bertarikh 2 Oktober 2020 seperti di Lampiran.

2. Sehubungan itu, berdasarkan laporan daripada pihak **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**, sehingga **1 Oktober 2020 jam 12:00 tengah hari** terdapat **260 kes baharu** yang telah dilaporkan termasuk **13 kes bagi Negeri Selangor** dan **13 kes bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**. Dengan berlakunya peningkatan kes positif COVID-19 dan selaras dengan kenyataan media daripada KPT bertarikh 2 Oktober 2020, pihak pengurusan Universiti telah memutuskan bahawa pendaftaran kemasukan semua pelajar Prasiswazah dan Pascasiswazah UKM (Baharu/Semasa) bagi Semester I, Sesi 2020/2021 secara fizikal/bersemuka adalah **DITANGGUHKAN**.

3. Pendaftaran pelajar ini akan dilaksanakan secara dalam talian. Walau bagaimanapun, bagi pelajar semasa yang telah berada di kampus adalah dibenarkan untuk terus kekal berada di kampus. Namun, pelajar hendaklah sentiasa mengambil langkah pencegahan bagi mengelak penularan wabak COVID-19.

4. Justeru, semua pelajar adalah dinasihatkan untuk mengambil tindakan berikut:
- Perjalanan masuk ke kampus UKM hendaklah ditangguhkan sehingga situasi semasa penularan wabak COVID-19 terkawal, tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dari semasa ke semasa;
 - Pendaftaran semua pelajar baharu dan semasa bagi semester 1, sesi 2020/2021 akan dibuat secara dalam talian (*online*) melalui laman web berikut:
 - Pelajar Prasiswazah:
<https://appsmu.ukm.my/edaftar> (Pelajar baharu)
<https://smplucee.ukm.my/smpweb/index.cfm> (Pelajar semasa)
 - Pelajar Pascasiswazah:
<http://quest.ukm.my> (Pelajar baharu)
<https://smplucee.ukm.my/smpweb/index.cfm> (Pelajar semasa)



PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5001 Faks: +603-8921 4242 E-mel: ncukm@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori

5. Untuk makluman juga, Minggu Mesra Mahasiswa (MMM) untuk pelajar baharu akan dilaksanakan mulai **3 hingga 7 Oktober 2020** secara **dalam talian (online)**.

6. Bagi pelajar yang telah berada atau dalam perjalanan ke kampus, pihak Universiti akan membantu untuk menguruskan penempatan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan. Semua program atau aktiviti yang melibatkan perhimpunan di dalam kampus adalah ditangguhkan buat sementara waktu.

7. Bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP), pelajar semasa adalah diminta untuk menghubungi fakulti masing-masing berkaitan kaedah PdP secara dalam talian. PdP akan bermula secara **dalam talian (online) mulai 12 Oktober 2020** sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Bagi pelajar yang telah berada di kampus dan sedang mengikuti aktiviti akademik adalah dibenarkan untuk terus kekal berada di kampus. Manakala bagi pelajar Pasca Siswazah Mod Penyelidikan yang berkeperluan hadir secara fizikal ke makmal, bengkel, studio reka bentuk atau memerlukan peralatan khusus bagi menjalankan penyelidikan adalah dibenarkan tertakluk mendapat kebenaran Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat dan mematuhi SOP.

8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan dan memerlukan sebarang pencerahan, pegawai berikut boleh dihubungi:

URUSAN	PEGAWAI DIHUBUNGI	E-MEL	NO. TELEFON
Kesihatan	Dr. Mohd Azman Abas Pengarah Pusat Kesihatan Universiti (PKU)	drazman@ukm.edu.my	03-8921 5403 (Pejabat) 016-6654442 (H/P)
	Dr. Masdalina Azhari Pegawai Perubatan Pusat Kesihatan Universiti (PKU)	masdalina81@ukm.edu.my	03-8921 3689 (Pejabat) 019-2645072 (H/P)
Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	En. Mohd Azmi Mahat @ Kasim Ketua Penolong Pendaftar Kanan Pusat Pengurusan Akademik (Prasiswazah)	azmi9542@ukm.edu.my	03-8911 8173/8027 (Pejabat) 019-3211294 (H/P)
	Pn. Latifah Kasmuri Penolong Pendaftar Pusat Pengurusan Akademik (Siswazah)	latifahkasmuri@ukm.edu.my	03-8911 8468/8389 (Pejabat) 011-23372809 (H/P)
	Pn. Sufeera Rahmad Penolong Pendaftar Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (UKMFolio)	sufeera@ukm.edu.my	03-8921 4651 (Pejabat) 019-3529800 (H/P)
Urusan Minggu Mesra Mahasiswa, Pendaftaran Kolej dan Hal-ehwal Pelajar	En. Asyraf Radzwan Penolong Pendaftar Kanan Pusat Hal-ehwal Pelajar	asyraf@ukm.edu.my	03-8921 3147 (Pejabat) 012-9510714 (H/P)

PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5001 Faks: +603-8921 4242 E-mel: ncukm@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselor



9. Pekeliling ini adalah **berkuat kuasa serta merta mulai edaran tarikh surat ini**. Pihak pengurusan Universiti akan sentiasa mengemaskini pemakluman terbaru tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, keprihatinan dan kepekaan daripada semua pelajar amat diperlukan dalam menghadapi situasi semas pandemik COVID-19 ini.

Kerjasama dan perhatian semua pelajar Universiti dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

PROF. DATO' IR. DR. MOHD HAMDI ABD SHUKOR

Naib Canselor

- s.k. - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
- Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
- Pendaftar
- Bendahari
- Ketua Pustakawan
- Penasihat Undang-Undang

- Dekan/Pengarah/Pengetua
Fakulti/Institut/Pusat/Kolej Kediaman/Hospital Pengajar

- Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti
Merangkap Ketua Tindakan Operasi
b.p. Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit

- Timbalan Pendaftar, Pusat Pengurusan Akademik



PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5001 Faks: +603-8921 4242 E-mel: ncukm@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my